

Jawatan KM Pulau Pinang kekal di tangan Gerakan — PM

UM 2 1 JUN 2003

KUALA LUMPUR 20 Jun — Jawatan Ketua Menteri (KM) Pulau Pinang tetap kekal di tangan Parti Gerakan walaupun ada desakan supaya jawatan tersebut diserahkan kepada UMNO jika mahu memastikan nasib orang Melayu di negeri itu terbela.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, langkah mengatasi masalah kemunduran masyarakat Melayu tidak boleh diselesaikan dengan menukarkan kepimpinan daripada kaum Cina kepada Melayu.

Tegas beliau, soal maju atau mundur orang Melayu di negeri berkenaan bergantung dengan

kecekapan pengurusan pemimpinnya.

“Kita bagi Kelantan kepada orang Melayu (tetapi) tak terbela juga. Bukan soal orangnya. Soalnya macam mana kita urus kerja-kerja kita,” katanya kepada pemberita selepas hari kedua Perhimpunan Agung UMNO Ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

● Lagi laporan di muka 5

Beliau mengulas desakan Pergerakan Pemuda UMNO Pulau Pinang kelmarin yang menegaskan bahawa jalan terbaik untuk membela nasib ora-

ng Melayu dengan berkesan di negeri itu ialah dengan melantik Ketua Menteri dari UMNO.

Ketua Pemuda UMNO Bahagian Tanjong, Raja Munir Shah Raja Mustafa berkata, ia penting bagi membolehkan pembangunan yang membabitkan kepentingan Melayu termasuk pembinaan projek perumahan berjalan lebih lancar.

Dalam lawatan Perdana Menteri ke Pulau Pinang bulan lalu, beliau melahirkep kekecewaan kerana masih ada rumah beratap kayu seperti sebelum Perang Dunia Kedua yang kebanyakannya dihuni oleh orang Melayu di negeri tersebut.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, kerajaan sedar bahawa orang Melayu di Pulau Pinang agak ketinggalan dari segi pembangunan di negeri berkenaan.

Sehubungan itu, tegas beliau, kerajaan sedang mencari langkah-langkah tertentu supaya nasib orang Melayu di Pulau Pinang terus terbela dan mampu mencapai kemajuan setanding kaum lain di negeri terbabit.

“Saya fikir tidak menjadi masalah. Kita boleh fikirkan macam mana nak menjaga nasib orang Melayu di Pulau Pinang,” jelasnya.